



SIARAN MEDIA

PERMOHONAN PERANTIS 2025 DIBUKA SASAR LEBIH RAMAI PEMIMPIN MUDA WANITA

PUTRAJAYA, 27 FEBRUARI: Permohonan Program Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS) dibuka bermula dari 27 Februari sehingga 26 Mac 2025 dengan peruntukan sebanyak RM5 juta dan menyasarkan 100 tokoh wanita yang bakal memanfaatkan lebih 5,000 peserta bimbingan.

YAB Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan tersebut dalam sambutan Hari Wanita Antarabangsa pada 8 Mac 2024 dalam usaha memartabatkan wanita di persada dunia dan memperkasakan kepimpinan wanita melalui bimbingan tokoh wanita berjaya.

PERANTIS menyediakan geran kepada wanita yang telah berjaya untuk melatih dan membimbing lebih ramai wanita terutamanya golongan muda bagi mengasah bakat kepimpinan mereka. Ia adalah langkah penting untuk melahirkan lebih ramai kumpulan bakat pemimpin wanita terutamanya di peringkat pembuat keputusan.

Perantis juga dijadikan platform bagi perkongsian ilmu dan kepakaran. Di samping itu, melalui program ini peserta akan dapat mengukuhkan jaringan kerjasama dalam kalangan pemimpin wanita daripada pelbagai sektor. Untuk rekod, pelaksanaan PERANTIS pada tahun 2024 telah menarik penyertaan seramai 1,247 orang peserta dengan bimbingan 25 orang tokoh wanita.

Permohonan lengkap bersama kertas cadangan pelaksanaan program boleh dibuat secara atas talian di pautan <https://iwanita.my>. Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila layari www.jpw.gov.my atau menghubungi urus setia PERANTIS di talian 03-83231616/1618/1620/1596, email: perantis@jpw.gov.my.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PEMBANGUNAN WANITA
27 FEBRUARI 2025**